

**1MDB Meterai Niaga Janji Tanjong Energy
Bernama
7 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- 1Malaysia Development Bhd (1MDB) telah mengambilalih Tanjong Energy Holdings Sdn Bhd (TEHSB) sebagai pelaburan strategik jangka panjang.

1MDB memeterai perjanjian definitif Jumaat lepas berhubung pembelian ekuiti dengan nilai RM8.5 bilion.

Transaksi itu tertakluk kepada kelulusan pembiayaan dan peraturan, kata syarikat dalam satu kenyataan Rabu.

Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Shahrol Halmi berkata pengambilalihan itu menandakan langkah pertama hasrat strategik 1MDB ke arah memenuhi keterjaminan tenaga jangka panjang negara.

"Tenaga ialah antara bidang fokus teras untuk 1MDB, dan TEHSB adalah pengambilalihan yang berharga. Kami tertarik dengan rekod operasi kukuh TEHSB, portfolionya yang pelbagai aset berkualiti, keupayaan dalaman yang mantap dan potensi untuk pertumbuhan baharu di dalam dan luar negara.

1MDB juga berhasrat untuk meningkatkan kapasiti TEHSB sebagai pasaran baru muncul pengeluar kuasa bebas.

Goldman Sachs (Malaysia) Sdn Bhd telah dilantik untuk bertindak sebagai penasihat kewangan kepada 1MDB untuk transaksi itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650573>